



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) 100-4/10 JLD.5 ( 42 )

Tarikh : 16 Ogos 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 14 TAHUN 2021  
TATACARA PELAKSANAAN MORATORIUM SELAMA 6 BULAN  
BAGI PEGAWAI DI BAWAH SKIM PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERUMAHAN  
DAN PINJAMAN PERIBADI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (APAN).**

### 1. TUJUAN

Tujuan pekeling ini ialah untuk memaklumkan pelaksanaan moratorium selama 6 bulan bagi APAN di bawah Skim Pinjaman/Pembiayaan Perumahan **Borneo Housing Mortgage Finance Berhad** dan Pinjaman Peribadi melalui **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)**.

### 2. PELAKSANAAN DAN KAEDAH PENANGGUHAN POTONGAN GAJI

2.1. Pemberian moratorium/penangguhan potongan gaji bagi pinjaman di bawah **Borneo Housing Mortgage Finance Berhad** akan diberhentikan secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) kecuali Jabatan Perhutanan Sabah.

...2/-

**“SABAH MAJU JAYA”**



**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 14 TAHUN 2021 16 Ogos 2021**

- 2.1.1 Bagi APAN yang berhasrat untuk meneruskan pembayaran pinjaman perumahan, anggota hendaklah memohon ke Unit Gaji di Jabatan masing – masing. Unit Gaji berkenaan perlu mengemukakan senarai nama anggota yang hendak meneruskan pembayaran pinjaman kepada Akauntan Seksyen Saraan, Jabatan Bendahari Negeri melalui emel [Zainulariffin.Yusof@sabah.gov.my](mailto:Zainulariffin.Yusof@sabah.gov.my) sebelum atau pada **03 September 2021** atau anggota boleh membuat pembayaran sendiri ke agensi berkenaan.
- 2.2. Penangguhan potongan bagi **potongan gaji melalui ANGKASA akan dimulakan pada gaji bulan Ogos 2021.**
- 2.2.1. Selaras dengan pemakluman daripada pihak ANGKASA, bagi potongan yang masih dibuat pada bulan **Ogos 2021** walaupun telah mendapat kelulusan moratorium, pelanggan hendaklah menghubungi pihak pembiaya bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut.
- 2.2.2. Bagi bulan **September 2021**, pelaksanaan moratorium ini akan dibuat secara automatik melalui SGP termasuk JMS kecuali Jabatan Perhutanan Sabah berdasarkan data yang diperolehi daripada pihak ANGKASA. Pelaksanaan ini dibuat secara automatik di atas permohonan daripada pihak ANGKASA kerana mereka masih menunggu data/arahan daripada pihak bank dan tarikh penutupan input bagi bulan September 2021 dalam Sistem e-Pay telah ditutup pada 13 Ogos 2021.
- 2.2.3. Bagi **bulan seterusnya**, Jabatan adalah bertanggungjawab untuk membuat input melalui Sistem e-Pay A3 berdasarkan penyata potongan yang diberikan oleh pihak ANGKASA.
3. **TEMPOH KUATKUASA**
- 3.1 Penangguhan sementara bayaran balik pinjaman ***Borneo Housing Mortgage Finance Berhad*** adalah untuk tempoh mulai gaji bulan **September 2021 sehingga Februari 2022.**

...3/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 14 TAHUN 2021 16 Ogos 2021**


- 3.2. Bermula gaji bulan **Mac 2022**, pihak ***Pusat Kawalan Sistem Perakaunan*** akan mengaktifkan semula kod potongan seperti yang di atas dan pihak Jabatan adalah bertanggungjawab untuk membuat pelarasan terhadap perubahan amaun dan tempoh bayaran balik pinjaman (jika ada).

**4. PENUTUP**

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088-368516 atau melalui emel di alamat [Zainulariffin.Yusof@sabah.gov.my](mailto:Zainulariffin.Yusof@sabah.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATIN MARY ANGELA SIPAUN, C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA )**  
**Bendahari Negeri**

ZAYizay

s.k Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
**88592 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

s.k Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

...4/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 14 TAHUN 2021 16 Ogos 2021

- s.k Pengarah  
Jabatan Tanah dan Ukur  
Wisma Tanah dan Ukur  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)
- s.k Ketua Konservator Hutan  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 88  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)
- s.k Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 6-7, Blok A  
PPNS, Jln Sulaman, Teluk Likas  
**88999 KOTA KINABALU**
- s.k Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Blok A, Tingkat 8  
Pusat Kawalan Sistem Perakaunan  
PPNS, Jln Sulaman, Teluk Likas  
**88999 KOTA KINABALU**  
(u.p: Encik Yazid Yuzairie Yunos)

**“SABAH MAJU JAYA”**

LAMPIRAN A

SENARAI KOD POTONGAN YANG DIHENTIKAN SEMENTARA

Bil	Potongan Pinjaman	Kod	Catatan
01	<i>Borneo Housing Mortgage Finance Berhad</i>	820 & 821	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Dihentikan bermula gaji September 2021 - Februari 2022.</li><li>ii. Diaktifkan semula pada bulan Mac 2022.</li></ul>
02	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)	842	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Perubahan dibuat secara automatik melalui SGP bagi bulan September 2021</li><li>ii. Perubahan dibuat oleh Jabatan bagi perubahan di bulan seterusnya.</li></ul>

**“SABAH MAJU JAYA”**